

Pakar kualiti air Naib Canselor baru UMS

PUTRAJAYA: Profesor dalam bidang sains marin dan alam sekitar, Dr Mohd Harun Abdullah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) menggantikan Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Ampom yang tamat perkhidmatan.

Mohd Harun yang sebelum ini Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) universiti berkenaan, menerima ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang alam sekitar dari Universiti Teknologi Malaysia pada 2001.

Beliau memperoleh ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Alam Sekitar pada 1986 dan ijazah Sarjana Sains dan Sumber Alam pada 1994 dari Universiti Putra Malaysia.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pelantikan itu untuk tempoh tiga tahun hingga Jun 2015.

Katanya, pemilihan Mohd Harun berasaskan kriteria ditetapkan kementerian serta pengalaman akademik dan pentadbirannya sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS.

Mohamed Khaled berkata, Mohd Harun akan



Dr Mohd Harun Abdullah

memimpin UMS menjadi lebih cemerlang sesuai dengan kepakaran beliau dalam bidang kualiti air dan alam sekitar di negara ini.

"Prof Mohd Harun pernah menjawat jawatan sebagai Dekan dan Timbalan Dekan di Sekolah Sains dan Teknologi UMS dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sebelum dilantik sebagai Naib Canselor baru UMS."

"Kementerian turut merakamkan penghargaan kepada Prof Kamaruzaman yang membawa banyak perubahan dan meningkatkan imej UMS sebagai universiti yang mempunyai kekuatan dan keistimewaan tersendiri," katanya dalam satu kenyataan.